Nama :.............................................................................. Kelas :...........................................

ڤرسيدڠن ڤڠتوا دان مجليس ڤڠتوا

معهد كراجاءن سكوله منڠه اوݢام (عرب) بنتوان

يايسن إسلام كلنتن

PQS
Ogos 2025
2 jam 30 min

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2025 M / 1447 H

# PENDIDIKAN AL-QURAN DAN AS-SUNNAH

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis nama dan tingkatan anda pada ruangan di atas.*

2. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian :* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**

3. **Bahagian A** *mengandungi 20 soalan objektif pelbagai bentuk. Jawab* **semua** *soalan.*

4. **Bahagian B** *mengandungi* **empat** *soalan subjektik. Jawab* **semua** *soalan.*

5. *Jawapan* **Bahagian B** *hendaklah ditulis dalam* **tulisan jawi** *pada ruangan jawapan yang disediakan.*

| Untuk kegunaan pemeriksa | | | |
|---|---|---|---|
| Kod Pemeriksa : | | | |
| Bahagian | Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| A | 1-8 | 8 | |
| | 9-12 | 4 | |
| | 13-16 | 4 | |
| | 17-20 | 4 | |
| B | 1 | 20 | |
| | 2 | 20 | |
| | 3 | 20 | |
| | 4 | 20 | |
| **Jumlah** | | **100** | |

**Kertas peperiksaan ini mengandungi 16 halaman bercetak**

©2025 HAK CIPTA PERSIDANGAN PENGETUA YIK

# بهاڬين A

## ( 20 مركه )

جواب سموا سوالن

**سوالن 1 دان 2 :**

توليس حکوم تجويد ڤد تمڤت کوسوڠ باڬي کليمه القرءان يڠ برڬاريس دباوه.

1. إِنَّا لَمُغْرَمُونَ

2. لَا يَبْغُونَ عَنْهَا حِوَلًا

**سوالن 3 دان 4 :**

توليس جارا باچاءن ڤد تمڤت کوسوڠ باڬي کليمه القرءان يڠ برڬاريس دباوه.

3. كَلَّآ إِنَّهَا لَظَىٰ

4. لِإِيلَٰفِ قُرَيْشٍ

**سوالن 5 دان 6 :**

توليس ايستيله يڠ سسواي دڠن ڤرڽاتاءن برايکوت.

5. حروف مد ترلتق سلڤس حروف همزة دڠن شرط تياد سکون.

6. دلارڠ سام سکالي ممبرهنتيکن باچاءن ڤد کليمه يڠ بوليه مروسقکن معنى آية.

**سوالن 7 دان 8 :**

ايسي تمفت كوسوڠ دڠن جواڤن يڠ بتول.

7. وقف __________ اداله وقف يڠ دسببكن ترڤقسا ممبرهنتيكن باچاءن أتس سبب ضرورت سڤرتي ڤيندیق نفس، ترلوڤا آية، برسين، مناڠيس أتاو سبب لأين.

8. مد صلة طويلة اداله __________ برتمو دڠن حروف همزة قطع.

**سوالن 9 هيڠݢ 12**

| حديث | ڤيمڤين | علوم القرءان | معجزة | فرض كفاية | حديث آحاد |
|---|---|---|---|---|---|

برداسركن ڤيليهن جواڤن دأتس توليس جواڤن يڠ سسواي دڠن ڤرڽاتاءن برايكوت.

9. علمو يڠ ممبحثكن تنتڠ القرءان دري سݢي ڤنوروانن، ڤڠومڤولن دان علمو يڠ بركاءيتن دڠن القرءان.

[ ]

10. ڤركارا لوار بياس يڠ مڽالهي عادت كبياساءن مأنسي دأنوݢرهكن كڤد رسول الله سباݢاي بوقتي اكن كبنرن رساله مريك كڤد مأنسي.

[ ]

11. حديث يڠ تيدق ممنوهي شرط حديث متواتر.

[ ]

12. ڤڠوروسن جنازة مروڤاكن ساتو كواجيڤن باݢي اومت إسلام.

[ ]

**سوالن 13 هيڠݢ 16**

ايسي تمفت كوسوڠ دڠن جواڤن يڠ بتول.

13. تفسير بالرأي اداله تفسير القراءن دڠن مڠݢوناكن __________.

14. حديث متواتر اياله حديث يڠ دروايتكن اوليه سجومله ڤراوي دان سند يڠ راماي دان ڤد عادتڽ مستحيل ملاكوكن __________.

15. مشاهدة اداله سسأورڠ يڠ برعبادة سأوله - أوله دي ____________ الله براد دسيسيڽ.

16. استغفار برمقصود ممهون ____________ اتاو مموهون ڤڠهاڤوسن دوسا مڠهيلڠكن كسنڠ دان برليندوڠ درڤد كجاهتن.

**سوالن 17 هيڠݢ 20**

لڠكڤكن جدوال برايكوت دڠن مڠيسي جواڤن يڠ بتول دالم رواڠ يڠ دسدياكن.

17.

جارا ڤنورونن القرءان

- الله
- x
- بيت العزة
- رسول الله

x اياله : ____________

18.

ڤمبهاݢين حديث آحاد

- x
- حديث عزيز
- حديث غريب

x اياله : ____________

.19

اسفيك يڠ ڤرلو دجاڬ كتيك منزيارهي ڤساكيت

- روحاني
- ايموسي
- x

x اياله : ____________

.20

جارا مراوت ڤساكيت هاتي

- x
- مڠينصافي ديري
- محاسبه ديري
- توبة دان استغفار

x اياله : ____________

## بهاݢين B
## ( 80 مركه )
## جواب سموا سوءالن

1 (a) فرمان الله ﷻ:

وَوَصَّيْنَا ٱلْإِنسَٰنَ بِوَٰلِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُۥ وَهْنًا عَلَىٰ وَهْنٍ وَفِصَٰلُهُۥ فِى عَامَيْنِ أَنِ ٱشْكُرْ لِى وَلِوَٰلِدَيْكَ إِلَىَّ
ٱلْمَصِيرُ ﴿١٤﴾ وَإِن جَٰهَدَاكَ عَلَىٰٓ أَن تُشْرِكَ بِى مَا لَيْسَ لَكَ بِهِۦ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا ۖ وَصَاحِبْهُمَا فِى ٱلدُّنْيَا
مَعْرُوفًا ۖ وَٱتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَىَّ ۚ ثُمَّ إِلَىَّ مَرْجِعُكُمْ فَأُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٥﴾
(سورة المؤمنون : 1-11)

برداسركن ايات القرءان دأتس :

(i) جلسكن 2 ݢواجيڤن انق ترهادڤ ايبو باڤ ؟ (4 مركه)

(ii) ڽاتاكن 2 چارا بربوات باءيق كڤد ايبو باڤ ؟ (2 مركه)

(iii) ترڠكن ڤڠاجرن ايات دأتس؟ (4 مركه)

1 (b) فرمان الله ﷻ:

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

سُورَةٌ أَنزَلْنَـٰهَا وَفَرَضْنَـٰهَا وَأَنزَلْنَا فِيهَآ ءَايَـٰتٍۭ بَيِّنَـٰتٍ لَّعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١﴾ ٱلزَّانِيَةُ وَٱلزَّانِى فَٱجْلِدُوا۟ كُلَّ وَٰحِدٍ مِّنْهُمَا مِا۟ئَةَ جَلْدَةٍ ۖ وَلَا تَأْخُذْكُم بِهِمَا رَأْفَةٌ فِى دِينِ ٱللَّهِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ ۖ وَلْيَشْهَدْ عَذَابَهُمَا طَآئِفَةٌ مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾ ٱلزَّانِى لَا يَنكِحُ إِلَّا زَانِيَةً أَوْ مُشْرِكَةً وَٱلزَّانِيَةُ لَا يَنكِحُهَآ إِلَّا زَانٍ أَوْ مُشْرِكٌ ۚ وَحُرِّمَ ذَٰلِكَ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٣﴾ وَٱلَّذِينَ يَرْمُونَ ٱلْمُحْصَنَـٰتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا۟ بِأَرْبَعَةِ شُهَدَآءَ فَٱجْلِدُوهُمْ ثَمَـٰنِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا۟ لَهُمْ شَهَـٰدَةً أَبَدًا ۚ وَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَـٰسِقُونَ ﴿٤﴾ إِلَّا ٱلَّذِينَ تَابُوا۟ مِنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ وَأَصْلَحُوا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٥﴾

(سورة النور :1-5)

برداسركن ايات القرءان دأتس :

(i) أومت إسلام واجب منجاءوهي ڤربواتن زنا، قذف دان لعان.

تراڠكن 2 كڤنتيڠن مماتوهي كواجيڤن ترسبوت ؟ (4 مركه)

________________________________________

________________________________________

________________________________________

________________________________________




(ii) برداسرکن کامبر دأتس جادغکن اوسها يڠ بوليه اندا لاکوکن اونتوق منجاءوهي جناية ترسبوت.

بريکن هوراين دليل دان روموسن اندا. (6 مرکه)



Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group

2 (a) سبدا رسول الله ﷺ :

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : نِعْمَتَانِ مَغْبُونٌ فِيهِمَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ الصِّحَّةُ وَالفَرَاغُ

(رواهُ البخاري)

(i) جلسكن مقصود نعمت صيحت. (2 مركه)

(ii) جلسكن 1 ڤرلوان منجاݢ نعمت ماس لاڠڠ. (2 مركه)

## العلماء ورثة الأنبياء

(iii) برداسركن ڤوتوڠن حديث دأتس هورايكن اوسها يڠ بوليه ڤلاجر جونتوهي درڤد علماء دالم كهيدوڤن ؟ (6 مركه)

2 (b) سبدا رسول الله ﷺ :

عَنِ عبد الله بن عُمَرَ رضي الله عنهما عن النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم: أَلَا كُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْؤُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، فَالأَمِيرُ رَاعٍ وَهُوَ مَسْؤُولٌ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْؤُولٌ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى بَيْتِ زَوْجِهَا وَهِيَ مَسْؤُولَةٌ، أَلَا وَكُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْؤُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

(متفق عليه)

(i) ترڠكن 1 اينتي ساري درڤد حديث دأتس ؟ (2 مركه)

______________________________

______________________________

(ii) ڤاتاکن 2 تڠڬوڠجواب " الرجل " ؟ (2 مركه)

______________________________

______________________________

# 18,433 wanita derita keganasan rumah tangga

Oleh ARIF AIMAN ASROL dan CATHERINE IRENE MILTON

KUALA LUMPUR: Sebanyak 18,433 wanita di negara ini menderita akibat menjadi mangsa keganasan rumah tangga dalam tempoh empat tahun lalu.

Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, mengikut laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 3,616 kes keganasan rumah tangga dalam kalangan wanita direkodkan pada 2020 diikuti 2021 (5,131 kes), 2022 (4,762 kes) dan 2023 (4,924 kes).

"Punca kes didapati berubah pada setiap tahun iaitu disebabkan perselisihan faham dengan sebanyak 2,412 kes pada 2020 manakala tahun 2021 dan 2022 pula berpunca daripada masalah dadah yang masing-masing merekodkan 1,747 kes serta 1,640 kes," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di pejabatnya di Bangunan Parlimen Malaysia, di sini baru-baru ini.

Bagi tahun lalu pula katanya, punca utama berlaku adalah



NANCY SHUKRI

disebabkan panas baran iaitu 1,406 daripada 4,924 kes keganasan rumah tangga.

Beliau berkata, kementeriannya cuba menyelami dan merungkai penyebab punca-punca yang membawa kepada keganasan rumah tangga itu terjadi

Jelas beliau, kementerian mengambil beberapa langkah untuk menangani permasalahan rumah tangga termasuk juga isu perceraian, iaitu antaranya penubuhan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS).

"Kementerian pergi lebih dalam iaitu sebagai contoh mengapa dia ambil dadah. Kita akan tanya lebih lanjut dan terperinci melalui sesi kaunseling kerana ingin pastikan tidak berlakunya penceraian.

"Jika mengikut laporan daripada pihak polis, sebanyak 429 dan 216 kes pasangan dalam proses penceraian direkodkan sejak dua tahun kebelakangan ini iaitu bermula dari tahun 2022 sehingga 2023.

"Di pihak kementerian, kami melihat dari sudut untuk cuba menyatukan keluarga semula jadi kami bukan sahaja berbincang dengan pengadu tetapi turut pergi ke yang diadu iaitu dalam kes ini si suami," ujarnya.

Mengulas lanjut, Nancy berkata, dengan kewujudan PSSS itu, maka dijadikan sebagai rujukan dan perkhidmatan bimbingan kaunseling terutamanya kumpulan sasaran kementeriannya iaitu golongan wanita dan keluarga yang bermasalah.

"Kita ada kaunselor yang bertugas di PSSS, di situ kadang-kadang ia 'pandai' untuk baik semula, terfikir untuk merujuk semula. Polis adalah tempat untuk dia (mangsa) melapor sahaja tetapi kami memang rasa lebih baik mereka dapat dibantu untuk merujuk kembali.

"Kadang-kadang waktu kita panas (marah) cakap nak cerai dan sebagainya tetapi kita tidak mahu itu berlaku, kementerian ada acara tersendiri," jelasnya.

Nancy yang juga Ahli Parlimen Santubong itu berkata, sehingga kini terdapat tujuh buah PSSS mudah alih di serata tempat yang mana antara terbaharu adalah di Rantau Panjang, Kelantan.

"Setakat ini, sebanyak 42,974 kes aduan diterima dari tujuh buah penubuhan PSSS sehingga bulan Disember 2023," katanya.

Tambahnya, kementerian itu juga bekerjasama dengan agensi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi bersedia untuk memberi pusat perlindungan kepada wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga terutamanya melibatkan kecederaan fizikal.

"Terdapat empat masjid di Kuala Lumpur manakala satu masjid Perlis dijadikan pusat transit sementara. Ada 12 lagi masjid dijadikan sebagai pusat aduan," katanya.

(iii) بردسركن لاڤورن كمبر دأتس، اڤاكه فكتور يڠ ميببكن سيتواسي ماسيه برللواسا دالم كالڠن مشاركت ؟ (6 مركه)

(a) 3

(i) ترڠكن مقصود نزول القرءان ڤد اصطلاح ؟ (2 مركه)

(ii) سنرايكن 2 ڤريڠكت ڤنورونن القرءان ؟ (2 مركه)




(iii) برداسرکن ݢمبر دأتس، جلسکن اوسها کراجاءن اونتوق منجاديکن مشارکت هاري اين لبيه ممهمي القرءان ؟ (6 مرکه)

(b) 3

(i) ڽاتاکن 2 ڤرسماءن حديث قدسي دان حديث نبوي ؟ (2 مرکه)

(ii) ڽاتاکن 2 شرط حديث صحيح؟ (2 مرکه)

3 (c)

(i) ترݢكن كڤنتيڠن ممڤلاجري ميتودولوݢي ڤنوليسن سنن الستة سباݢاي ڤندوان دالم هيدوڤ؟(2 مركه)

(ii) ترݢكن 2 اوسها يڠ ڤرلو دلاكوكن اوليه مشاركت اونتوق منجاديكن سنن الستة سباݢاي ڤندوان دالم كهيدوڤن ؟ (4 مركه)

4 (a)

(i) جلسكن مقصود إسلام سباݢاي الدين. (2 مركه)

(ii) ترݢكن 2 كڤنتيڠن ايمان كڤد مأنسي. (4 مركه)

(iii) جلسكن فكتور يڠ ممباوا كڤد ڤهالا؟ (2 مركه)

(iv) جلسکن مقصود القرءان دان حديث متشابهات. (2 مركه)

________________________________________________

________________________________________________

4 (b)

(i) اڤاكه مقصود ادب برڬاءول منوروت إسلام. (2 مركه)

________________________________________________

________________________________________________

(ii) جلسکن 1 تڠڬوڠجواب يڠ مستي دجاݢ دالم ڤرڬاءولن. (2 مركه)

________________________________________________

________________________________________________

**YANG TUA DIHORMATI,**

**YANG MUDA DISAYANGI**

(iii) بردسرکن ڤرڽاتاٴن دأتس اڤاکه کسن يڠ اکن برلاکو دالم مشارکت برسرتا هوراين، دليل دان
روموسن. (6 مرکه)

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

# رواڠن جواڤن اوبجيکتيف

| نومبور سوءالن | جواڤن |
|---|---|
| 1 | |
| 2 | |
| 3 | |
| 4 | |
| 5 | |
| 6 | |
| 7 | |
| 8 | |
| 9 | |
| 10 | |
| 11 | |
| 12 | |
| 13 | |
| 14 | |
| 15 | |
| 16 | |
| 17 | |
| 18 | |
| 19 | |
| 20 | |